



“Tanpa pengiktirafan berkenaan, ahli koperasi tidak berpeluang memperhebat aktiviti mereka menerusi dana dan insentif lain yang diterima IKS
Abdul Fattah Abdullah

28-04-2017

setempat 55

A

HARIAN METRO

Beri peluang sama rata

Nur Ain Musdad
am@hmetro.com.my

■ **ANGKASA** minta kerajaan kaji semula pakej insentif perniagaan

Melaka

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), meminta kerajaan mengkaji semula pakej insentif perniagaan diberikan kepada mereka bagi membolehkan semua ahlinya mendapat peluang sama seperti industri kecil sederhana (IKS).

Presiden ANGKASA Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, penambahbaikan pakej itu penting bagi membantu mereka mempromosi dan meluaskan perniagaan sama ada dalam atau luar negeri.

“Koperasi belum diiktiraf untuk mendapat kemudahan sama seperti IKS kerana diletakkan di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan bukannya Suruhanjaya

Syarikat Malaysia.

“Tanpa pengiktirafan berkenaan, ahli koperasi tidak berpeluang memperhebat aktiviti mereka menerusi dana dan insentif lain yang diterima IKS,” katanya selepas merasmikan Persidangan ANGKASA, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Maktub Koperasi Malaysia Prof Madya Dr Abdul Rahman Shaik dan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia negeri Abd Latib Talib.

Abdul Fattah berkata, disebabkan perkara itu, pihaknya meminta jasa baik kerajaan mengkaji semula pemberian insentif itu bagi membolehkan penambahbaikan dilakukan.

“Buat masa ini, koperasi



FAKTA
Koperasi dapat geran perniagaan RM300,000 berbanding RM500,000 diberikan kepada IKS

ABD Latib (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Pengerusi Koperasi Pembangunan Daerah Alor Gajah Berhad Sharif Ahmad (kanan) disaksikan Abdul Fattah (dua dari kanan), semalam.

hanya boleh mendapatkan geran perniagaan RM300,000 berbanding RM500,000 diberikan kepada IKS.

“Kami juga perlu menggunakan peruntukan sendiri sekiranya mahu mempro-

mosikan produk atau perkhidmatan di luar negeri berbanding IKS yang dibiyai kerajaan,” katanya.